



## **UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

---

### **PEKELILING PENDAFTAR**

---

**Bilangan 09 Tahun 2019**

#### **KEMUDAHAN CUTI KEAGAMAAN**

##### **TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada staf Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang berkelayakan mengenai penerimaan pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2018 berkenaan Kemudahan Cuti Keagamaan yang merupakan Cuti Tanpa Rekod (CTR) kepada staf UiTM yang bukan beragama Islam mengunjungi dan melaksanakan aktiviti keagamaan di tempat-tempat keagamaan.

##### **LATAR BELAKANG**

2. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Ke-167 pada 15 Januari 2019 telah bersetuju meluluskan cadangan penerimaan pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2018 mengenai kemudahan Cuti Keagamaan.

3. Penerimaan pakai pekeliling ini dibaca bersama Pekeliling Naib Canselor Bilangan 21 Tahun 2008 dan Pekeliling Naib Canselor Bilangan 4 Tahun 2010 berkenaan Larangan Staf Akademik Mengambil Cuti Persendirian Semasa Minggu Kuliah dan Peperiksaan.

4. Mulai 1 Januari 2018, Kerajaan telah memperuntukkan Cuti Tanpa Rekod (CTR) sebanyak tujuh (7) hari, iaitu sekali sepanjang tempoh perkhidmatan kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang beragama Islam bagi maksud menunaikan umrah di Mekah dan ziarah di Madinah.
5. Berikutan itu, selaras dengan keprihatinan Kerajaan kepada kepelbagaian agama di kalangan pegawai perkhidmatan awam, Kerajaan bersetuju untuk memperuntukkan kemudahan Cuti Tanpa Rekod (CTR) sebanyak tujuh (7) hari kepada pegawai perkhidmatan awam persekutuan yang bukan beragama Islam untuk mengunjungi dan melaksanakan aktiviti keagamaan di tempat-tempat keagamaan mengikut agama dan kepercayaan masing-masing.

## **PELAKSANAAN**

6. Pelaksanaan kemudahan Cuti Keagamaan ini adalah seperti berikut:
  - 6.1 Cuti Keagamaan adalah bagi maksud mengunjungi dan melaksanakan aktiviti keagamaan di tempat-tempat keagamaan dalam dan luar negara mengikut agama dan kepercayaan masing-masing;
  - 6.2 Cuti Keagamaan merupakan Cuti Tanpa Rekod (CTR) yang diperuntukkan kepada pegawai perkhidmatan awam persekutuan yang bukan beragama Islam dan dilantik secara tetap;
  - 6.3 Cuti Keagamaan tertakluk kepada maksimum tujuh (7) hari, tidak termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am;
  - 6.4 perkiraan tujuh (7) hari bagi maksud aktiviti keagamaan bermula dari tarikh penerbangan/perjalanan sebenar dibuat bagi mengunjungi dan melaksanakan aktiviti keagamaan di tempat-tempat keagamaan dalam atau luar negara. Sekiranya tarikh penerbangan/perjalanan bermula pada hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan atau hari kelepasan am, maka perkiraan tujuh (7) hari akan bermula pada hari bekerja berikutnya;

- 6.5 sekiranya pegawai memerlukan tempoh melebihi tujuh (7) hari atas sebab-sebab tertentu, maka pegawai boleh memohon untuk menggunakan kemudahan Cuti Rehat, Cuti Rehat Khas atau Cuti Tanpa Gaji atas urusan persendirian, tertakluk pada kelayakan cuti pegawai;
- 6.6 Cuti Keagamaan diberikan sekali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan (oneoff), yang meliputi perkhidmatan di bawah semua Pihak Berkuasa Melantik. Sekiranya tempoh cuti yang digunakan adalah kurang daripada tujuh (7) hari, baki cuti yang tidak digunakan tidak boleh dibawa ke hadapan; dan
- 6.7 Bagi tujuan mengunjungi dan melaksanakan aktiviti keagamaan di luar negara, pegawai perlu mematuhi nasihat perjalanan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia dari semasa ke semasa.

## **PENGENALAN**

7. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling Naib Canselor Bilangan 21 Tahun 2008 dan Pekeliling Naib Canselor Bilangan 4 Tahun 2010 berkenaan Larangan Staf Akademik Mengambil Cuti Persendirian Semasa Minggu Kuliah dan Peperiksaan.

## **TARIKH DIKELUARKAN**

8. Pekeliling dikeluarkan pada 21 Februari 2019.

## **TARIKH KUAT KUASA**

9. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 01 Januari 2019.

## **PEMAKAIAN**

10. Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua staf UiTM yang berkelayakan.



**AZIDA AZMI**

Pendaftar

Dikelilingkan Kepada:

Semua Ketua Jabatan/ Bahagian/ Pusat/ Unit

Semua Dekan-Dekan Fakulti

Semua Rektor-Rektor UiTM Cawangan

Bil. Fail : 100-BPD(PT.6/3)  
No. Siri : 100-BPD(Bil. 09/2019)